

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29/3/2012

# Kursi Tun Hussein Onn dilancar

UM. 29/3/2012

KUALA LUMPUR 28 Mac - Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) hari ini melancarkan Kursi Tun Hussein Onn bagi Kajian Antarabangsa dalam meneruskan inisiatif menjadikan negara ASEAN sebagai asas kepada dasar luar Malaysia.

Penubuhan kursi tersebut merupakan penghormatan kepada Allahyarham Tun Hussein Onn yang bukan sahaja Perdana Menteri ketiga negara, malah merupakan Pengerusi ISIS yang pertama pada April 1984.

Bagi meneruskan inisiatif yang telah dimulakan oleh Allahyarham, kursi tersebut akan membuat kajian polisi mengenai kepentingan Malaysia di dalam ASEAN, di samping penyelidikan mengenai hubungan antarabangsa yang berkait dengan kepentingan negara dan serantau.

Majlis perasmian kursi tersebut disempurnakan oleh anak bongsu Allahyarham, Datuk Harris Onn yang mewakili abangnya yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin.

Hadir sama isteri Allahyarham, Tun Suhaila Mohamad Noah.

Pelancaran kursi tersebut turut

disaksikan Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah; Pengerusi ISIS, Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan; Pengerusi Yayasan Noah, Datin Paduka Dr. Faridah Abdullah serta pemegang kursi, Datuk Dr. Mu-thiah Alagappa.

Menurut Hishammuddin dalam teks ucapan yang dibacakan Harris, seluruh keluarga Allahyarham berasa terharu di atas usaha ISIS menubuhkan kursi tersebut yang pastinya dapat memberi manfaat kepada negara dalam bidang kajian antarabangsa.

“Oleh kerana disiplin dalam kajian antarabangsa banyak didominasi oleh pemikir-pemikir dari Barat, perspektif daripada negara Asia sendiri adalah amat relevan dan diperlukan.

“Sehubungan itu, diharap penubuhan kursi ini dapat memberikan kita lebih pemahaman mengenai isu-isu antarabangsa dan pendekatan yang dapat mempromosikan lagi usaha keamanan, keselamatan dan kemakmuran,” katanya yang turut melahirkan penghargaan kepada Yayasan Noah yang membiayai dana kursi tersebut.

Sementara itu, Alagappa berka-

ta, beliau amat menghargai jasa Allahyarham kepada negara dan merancang untuk menjadikan kursi tersebut sebagai platform kepada kajian-kajian antarabangsa yang dapat mengangkat negara sebagai pusat kecemerlangan di rantau ini.

Jelasnya lagi, kursi tersebut akan turut mengadakan forum perbincangan untuk memberi sumbangan kepada polisi luar negara di samping penekanan kepada pembentukan negara Malaysia yang lebih kukuh dan makmur.

Pada majlis yang sama, Alagappa selaku pemegang pertama kursi tersebut turut menyampaikan syarahan perdana yang bertajuk *Pembentukan Negara di Asia: Dari Negara Etnik Kepada Negara Sivik?*

Ketika ditemui pemberita, beliau memberitahu, Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah usaha yang dilihat dapat mengimbangkan keperluan etnik-etnik di negara ini dengan kepentingan sivik yang berasaskan ideologi politik, sejarah wilayah, budaya dan hak kesamarataan buat setiap warga negara.